

PRIVACY NOTICE

Dear TM Customers,

In our effort to ensure compliance to the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) we wish to draw your attention to TM's Privacy Notice as follows:

What Personal Information Do We Collect?

If you choose to transact with TM or its group of companies (for further information on TM's group of companies, please visit www.tm.com.my) or its affiliates i.e. for subscription of any products and/or services or by using TM Portal or accessing TM corporate website, you will be asked to provide your personal information such as (but not be limited to) name, National Registration Identification Card number, passport number, mailing address, telephone number(s), email address(es) or contact preferences. Where you intend to use TM Portal for the purpose of making online payment transactions, your credit/debit card information will also be collected for the purpose of processing such payments. The list of transactions is non-exhaustive and such information given to or obtained by us through such transactions shall collectively be known as "Personal Data".

TM products and/or services shall include any and all products and/or services provided by TM or its group of companies. TM Portal shall include where applicable, portal owned, managed and/or maintained by any companies within TM group of companies which contains relevant products and/or services provided by such companies within TM group of companies.

You will also be required to provide your consent to the usage of your Personal Data in the form and manner as indicated in the registration process. If we do not receive your consent, you will not be able to subscribe to TM products and/or services, register to TM Portal or have access to TM corporate website.

When you transact with TM, we may collect or receive and store certain personal non-identifiable information. Such information is collected passively using various technologies and for now cannot be used to specifically identify you. This information may include:-

- device-specific information such as hardware model, operating system version, unique device identifiers, mobile network information, memory, sound card data, Internet Protocol (IP) address;
- cookies that may uniquely identify your browser;
- details of how you access and/or use TM Portal or TM corporate website for example your search queries;
- total number of visitors accessing and/or using TM Portal or TM corporate website;
- diagnostic and usage data generated by your device;
- how you and other users use and interact with TM portal or TM corporate website.

The above is collectively known as “Non-Personal Information”. If we do combine Non-Personal Information with Personal Data, the combined information will be treated as Personal Data for as long as it remains combined.

As an ongoing effort to serve you better, we often conduct research on customer demographics, interests and behaviour based on the Personal Data and information provided to us. This research may be compiled and analysed on an aggregated basis. This type of non-identifiable and aggregated data does not identify you personally. We may share this non-identifiable and aggregated data with our affiliates and/or Authorised Third Party. We may also disclose aggregated user statistics to our affiliates and/or Authorised Third Party for other lawful purposes.

“Authorised Third Party” shall mean business partners, contractors, agents, auditors, advisers, any telecommunications and applications service providers which we have an arrangement with in connection with TM product and/or services, TM portal or TM corporate website and/or third party supplier engaged by us from time to time for the purpose of providing information relating to TM product and/or services in TM Portal or TM corporate website or otherwise or any parties appointed by TM to do data processing activities or conduct marketing activities for TM or its group of companies.

How We Use Your Personal Information?

Your Personal Data will be used for the purpose it was given. Your Personal Data may also be used by TM group of companies or its affiliates and/or Authorised Third Party for one or more of the following purposes:-

- to assess your application or continued provisioning of the products and/or services (whichever is applicable);
- financial operation including to verify and process payment, billing and billing enquiries;
- customizing advertisements and content on TM Portal and any online sites of TM and its group of companies;
- responding to your enquiries;
- research purposes including but not limited to product and/or service improvement, historical and statistical purposes and analysis;
- general operation, maintenance and audit of products and/or services provided including its related website(s);
- verification purposes;
- matching any data relating to you which are held by TM and its group of companies from time to time;
- provide you with regular communications from TM relating to our products and/or services;
- investigation of complaints, suspicious transactions and to detect and prevent fraudulent activity;
- administer your participation in contest organised by TM or any of its group of companies; ;
- credit checking with credit bureau, credit rating agency or credit reporting agency;
- conduct market research and using such analysis for TM's business plans, the enhancement of TM's products and/or services, targeted advertisements and conveying such unidentified information in broad aggregated terms to TM group of companies or its affiliates, Authorised Third Party and/or third parties who have or propose to have business dealings with TM;
- to provide you with TM and its group of companies' latest information, promotions and latest updates, special offers as well as marketing and advertising materials; and
- in compliance with any regulatory, statutory or legal obligations which shall include but not limited to the provisioning of Directory Assistance Service 103 as part of the Required Applications Services.

The above shall collectively be referred to as "Purposes" in this Privacy Notice

By submitting your information to TM, you hereby consent and authorise TM to process and verify any information about you from any third party, especially credit bureau, credit rating agency or credit reporting agency which TM may require in connection with your application for any of TM products and/or services and/or review of the existing account with TM and/or use of TM portal and/or access to TM corporate website.

Such consent and authorization will extend to any information obtained from any of the account(s) presently maintained for you, any new applications for any products and/or services offered by TM, any historical financial or credit records, data or information whether or not provided personally or through any other sources relating to you which was collected, received, captured, compiled, secured and/or obtained by TM through or by whatever means or methods or forms. In the event that you are to provide or disclose to TM the Personal Data of a third party in any application, you hereby represent and warrant that consent has been obtained from the third party to allow TM to process the Personal Data for the Purposes set out above.

DISCLOSURE OF YOUR PERSONAL DATA

If you choose to register and transact with TM, your Personal Data may be shared where necessary and only on a need to know basis with other companies in TM group of companies, affiliates or agencies so as to serve you in the most efficient and effective manner. An example might be to resolve or addressing complaints that require escalation to other companies in TM group of companies, affiliates or agencies.

TM may disclose your Personal Data to the following parties for the Purposes stated above:-

- Respective Authorized TM Partner who are involved in providing Add-Ons;
- Authorised Third Party or TM agents who are involved in providing the products and/or services for TM;
- Companies in TM group of companies, affiliates and/or Authorised Third Party located outside of Malaysia who provides data processing services for TM;
- any credit reporting agencies or in the event of default, any debt collection agencies;
- any person engaged by TM to fulfil its obligations to you and is under a duty of confidentiality and has undertaken to keep such data confidential;
- any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of TM's rights or business; and
- requestor for directory assistance via the Directory Assistance Service 103 which is provided as part of a regulatory requirement under the Required Applications Services.

As mentioned above, it may be necessary to transfer your Personal Data and information to companies in TM group of companies, affiliates and/or Authorised Third Party located outside of Malaysia. This may happen where companies in TM group of companies, Affiliates and/or the Authorised Third Party is based outside of Malaysia or where you access TM Portal or TM corporate website and/or use TM products and/or services from outside of Malaysia. By continuing accessing and/or using TM products and/or services, you consented to such transfer.

Your Personal Data will not be disclosed to any unauthorized third party.

You may opt-out from having your registered telephone number be made available via the Directory Assistance Service 103 by contacting us at help@tm.com.my or call us at 100.

Your Personal Data may be disclosed due to reasons of law, legal process, litigation, and/or requests from public and governmental authorities and any disclosure will be to such public and governmental authorities only. We may also disclose information about you if we determine that disclosure is necessary or appropriate for purposes of national security, law enforcement or other issues of public importance.

SECURITY OF YOUR PERSONAL DATA

TM has in place security policies, rules and technical measures to protect your Personal Data from unauthorised access, improper use or disclosure, unauthorised modification, unlawful destruction or accidental loss. All our employees and data processors who have access to and are associated with the processing of Personal Data, are obliged to respect the confidentiality of your information.

However, transactions done via personal devices may not be secured and communications over those devices may be exposed to unauthorized third-party interception. We cannot accept responsibility for any unauthorised access or loss of Personal Data. While we cannot guarantee that loss, misuse or alteration of Personal Data will not occur, we make reasonable efforts to prevent such unfortunate occurrences.

Personal Data that we collect from you will be stored and backed up securely in an environmentally controlled location. Only authorized people with user ID and password from our company have access to the information.

You must remember to log off from our system after accessing and/or using your preferred device so that no unauthorized party can have access to your Personal Data. You must not, at any time, divulge your Personal Data to any third party.

CORRECTION AND REQUEST FOR ACCESS

If you would like to request access or correction of your Personal Data or where you elect to limit TM's right to process your Personal Data, you may contact TM Contact Centre or you may visit the nearest TM Point. Any request of access to correct Personal Data may be subjected to a fee and also to applicable provisions in the PDPA. However, we reserve the right to decline requests which jeopardize the security and privacy of the Personal Data of others as well as requests which are impractical or not made in good faith.

We may review and update this Privacy Notice from time to time to reflect changes in the law, changes in our business practices, procedures and structure, and the community's changing privacy expectations. The latest version of the Privacy Notice may be available at <http://www.tm.com.my>

QUERIES OR COMPLAINTS

If you have any queries or complaints about this Privacy Notice, you can contact us at <https://www.tm.com.my/OnlineHelp/ContactUs/Pages/default.aspx> via our Contact Us section or you can either call TM Contact Centre at:

- 100, if you are in Malaysia;
- 1 300 888 123 if you are calling from mobile; or
- +603 2241 1290 if you are calling from overseas.

NOTIS PRIVASI

Para Pelanggan TM,

Dalam usaha untuk memastikan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP), kami ingin menarik perhatian anda kepada Notis Privasi TM seperti berikut:

Apakah jenis data peribadi yang kami kumpul?

Jika anda membuat transaksi dengan TM atau kumpulan syarikat TM (untuk maklumat lanjut mengenai kumpulan syarikat TM sila layari www.tm.com.my) atau syarikat berkaitan TM (*affiliate*) seperti pelanggan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan TM atau dengan menggunakan Portal TM atau mengakses laman web korporat TM, anda akan diminta untuk memberikan maklumat peribadi anda seperti (tetapi tidak terhad kepada) nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat surat menyurat, nombor telefon, alamat e-mel dan nombor keutamaan yang boleh dihubungi. Sekiranya anda bercadang untuk menggunakan Portal TM

untuk tujuan membuat transaksi pembayaran dalam talian, maklumat kad kredit/debit anda juga akan dikumpulkan untuk tujuan memproses bayaran tersebut. Senarai transaksi yang dinyatakan ini adalah tidak terhad dan apa-apa maklumat yang diberikan kepada atau diperolehi oleh kami melalui transaksi tersebut secara kolektif dikenali sebagai "Data Peribadi".

Produk dan/atau perkhidmatan TM adalah termasuk apa-apa dan mana-mana produk dan/atau perkhidmatan TM atau kumpulan syarikat TM. Portal TM, di mana berkenaan, termasuk portal yang dimiliki, diuruskan atau diselia oleh mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat TM yang mengandungi produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat dalam kumpulan syarikat TM yang berkaitan.

Anda juga akan diperlukan untuk memberikan persetujuan anda terhadap penggunaan Data Peribadi anda dalam bentuk dan mengikut cara yang dinyatakan dalam proses pendaftaran. Jika kami tidak menerima kebenaran anda, anda tidak akan dapat melanggan produk dan/atau perkhidmatan TM, mendaftar untuk menggunakan Portal TM atau mempunyai akses kepada laman web korporat TM.

Apabila anda berurusan dengan TM, kami mungkin mengumpul atau menerima dan menyimpan maklumat peribadi tertentu yang tidak boleh dikenal pasti. Maklumat tersebut dikumpul secara pasif menggunakan pelbagai teknologi dan buat masa ini tidak boleh digunakan untuk mengenalpasti anda secara khusus.

Maklumat ini mungkin termasuk:-

- maklumat khusus peranti seperti model perkakasan, versi sistem pengendalian, pengecam peranti unik, maklumat rangkaian mudah alih, memori, data kad bunyi, alamat protokol Internet (IP);
- *cookies* yang boleh mengenalpasti secara unik pelayar anda.;
- butiran bagaimana anda mengakses dan/atau menggunakan Portal TM atau laman web korporat TM contohnya pertanyaan carian anda;
- bilangan pelawat yang mengakses dan/atau menggunakan Portal TM atau laman web korporat TM;
- diagnostik dan data penggunaan yang dihasilkan oleh peranti anda;
- bagaimana anda dan pengguna lain menggunakan dan berinteraksi dengan Portal TM atau laman web korporat TM.

Maklumat di atas secara kolektif dikenali sebagai "Maklumat Bukan Peribadi". Jika kami menggabungkan Maklumat Bukan Peribadi dengan Data Peribadi, gabungan maklumat tersebut akan dianggap sebagai Data Peribadi selagi ia kekal bergabung.

Sebagai usaha berterusan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, kami sering menjalankan penyelidikan mengenai demografi pelanggan, minat dan tingkah laku berdasarkan Data Peribadi dan maklumat yang diberikan kepada kami. Kajian ini boleh dikumpul dan disatukan untuk tujuan analisa. Anda tidak akan dikenalpasti secara peribadi melalui maklumat yang tidak boleh dikenal pasti dan data yang disatukan ini. Kami mungkin berkongsi maklumat yang tidak boleh dikenal pasti dan data yang disatukan ini dengan syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan. Kami juga mungkin akan mendedahkan statistik pengguna yang telah disatukan kepada syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan untuk tujuan lain yang sah.

"Pihak Ketiga yang Dibenarkan" bermaksud rakan perniagaan, kontraktor, ejen, juruaudit, penasihat, mana-mana penyedia telekomunikasi dan pembekal perkhidmatan aplikasi yang mempunyai perjanjian dengan kami berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan TM, portal atau laman web korporat TM atau sebaliknya atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh TM untuk melakukan aktiviti pemprosesan data atau menjalankan aktiviti pemasaran untuk TM atau kumpulan syarikat TM.

Bagaimanakah kami menggunakan Data Peribadi anda?

Data Peribadi anda akan digunakan mengikut tujuan yang sama semasa ianya diberi. Data Peribadi anda juga boleh digunakan oleh kumpulan syarikat TM atau syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan untuk mana-mana satu (atau lebih) daripada tujuan-tujuan berikut:-

- untuk menilai permohonan anda atau penyediaan secara berterusan produk dan/atau perkhidmatan (mana-mana yang berkaitan);
- operasi kewangan termasuk mengesahkan dan memproses pembayaran, bil dan pertanyaan bil;
- penyesuaian pegiklanan dan kandungan dalam Portal TM dan apa-apa laman-laman web TM dan kumpulan syarikat TM;
- untuk menjawab pertanyaan anda;
- untuk tujuan penyelidikan termasuk tetapi tidak terhad kepada penambahbaikan produk dan/atau perkhidmatan TM, sejarah dan statistik dan analisis;
- operasi umum, penyenggaraan dan audit produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan termasuk laman web yang berkaitan;
- tujuan pengesahan;
- pemadanan data yang berkaitan dengan anda yang dipegang oleh TM dan kumpulan syarikat TM dari masa ke semasa;

- menyediakan anda dengan komunikasi yang kerap daripada TM yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan TM;
- penyiasatan mengenai aduan, transaksi yang mencurigakan dan untuk mengesan dan mencegah kegiatan penipuan;
- mentadbir penyertaan anda dalam peraduan yang dianjurkan oleh TM atau mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat TM;
- semakan kredit dengan biro kredit, agensi penarafan kredit atau agensi pelaporan kredit;
- menjalankan penyelidikan pasaran dan menggunakan analisis untuk aktiviti pelan perniagaan TM, penambahbaikan produk dan perkhidmatan TM, perkhidmatan iklan yang disasarkan dan penyampaian maklumat yang tidak dikenalpasti tersebut dalam bentuk yang telah dikumpulkan dan umum kepada syarikat berkaitan TM, Pihak Ketiga yang Dibenarkan dan/atau pihak ketiga yang telah atau bercadang untuk menjalankan urusan perniagaan dengan TM;
- untuk menyediakan anda dengan maklumat terkini, promosi dan pengemaskinian terkini, tawaran istimewa serta bahan-bahan pemasaran dan pengiklanan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan TM dan kumpulan syarikat TM; dan
- pematuhan kepada mana-mana tanggungjawab kawalselia, statutori atau undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan Perkhidmatan Bantuan Direktori 103 sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Aplikasi yang Diperlukan.

Senarai di atas adalah secara kolektif dirujuk sebagai "Tujuan" dalam Notis Privasi ini.

Dengan menyerahkan maklumat anda kepada TM, anda dengan ini bersetuju dan membenarkan TM untuk memproses dan menentusahkan apa-apa maklumat tentang anda daripada pihak ketiga, terutamanya biro kredit, agensi penarafan kredit atau agensi pelaporan kredit yang TM mungkin perlu berkaitan dengan permohonan anda untuk mana-mana produk dan/atau perkhidmatan TM dan/atau menyemak akaun sedia ada dengan TM dan/atau penggunaan portal TM dan/atau akses ke laman web korporat TM. Persetujuan dan kebenaran yang anda beri ini merangkumi apa-apa maklumat yang diperolehi dari mana-mana akaun yang kini diselenggarakan untuk anda, sebarang permohonan baru untuk apa-apa bentuk produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh TM, maklumat sejarah kewangan atau rekod kredit, data atau maklumat yang anda beri atau melalui mana-mana sumber lain yang berkaitan dengan anda yang telah dikumpul, diterima, disimpan, disusun dan/atau diperolehi oleh TM melalui atau dengan apa-apa cara atau kaedah atau

bentuk. Sekiranya anda memberi atau mendedahkan kepada TM Data Peribadi pihak ketiga dalam mana-mana permohonan, anda dengan ini mengaku dan menjamin bahawa kebenaran telah diperolehi daripada pihak ketiga tersebut bagi membolehkan TM untuk memproses Data Peribadi bagi Tujuan yang dinyatakan di atas.

PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA

Jika anda memilih untuk mendaftar dan berurusan dengan TM, Data Peribadi anda mungkin akan perlu dikongsi atas dasar “sekiranya perlu sahaja” dengan syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM atau agensi untuk memberi anda perkhidmatan dengan cara yang paling cekap dan berkesan. Antara contoh adalah seperti menyelesaikan aduan yang memerlukan maklum balas syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM atau agensi yang berkaitan.

TM mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut untuk tujuan yang dinyatakan di atas:-

- Rakan kongsi TM yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan tambahan (*Add-Ons*)
- Pihak Ketiga yang Dibenarkan atau ejen-ejen TM yang terlibat dalam menyediakan produk dan/atau perkhidmatan untuk TM;
- syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan yang terletak di luar Malaysia yang menyediakan perkhidmatan pemrosesan data untuk TM;
- mana-mana agensi pelaporan kredit atau sekiranya berlaku keingkaran, mana-mana agensi agensi kutipan hutang;
- mana-mana orang yang dilantik oleh TM untuk memenuhi tanggungjawab TM kepada anda, dan berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan telah diamanahkan untuk menyimpan kerahsiaan data tersebut;
- mana-mana pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau sub-peserta kepada hak atau perniagaan TM; dan
- pemohon bantuan direktori melalui Perkhidmatan Bantuan Direktori 103 yang disediakan sebagai sebahagian daripada keperluan kawalselia di bawah Perkhidmatan Aplikasi yang Diperlukan.

Seperti yang dinyatakan di atas, adalah mungkin perlu untuk memindahkan Data Peribadi dan maklumat anda kepada syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan yang terletak di luar Malaysia. Ini boleh berlaku di mana syarikat dalam kumpulan syarikat TM, syarikat berkaitan TM dan/atau Pihak Ketiga yang Dibenarkan adalah berpangkalan di luar Malaysia atau di mana anda mengakses Portal TM atau laman web korporat TM dan/atau menggunakan produk dan/atau perkhidmatan TM dari luar Malaysia. Dengan mengakses dan/atau menggunakan produk dan/atau perkhidmatan TM secara berterusan, anda bersetuju dengan pemindahan Data Peribadi dan maklumat anda.

Data Peribadi anda tidak akan didedahkan kepada pihak ketiga yang tidak dibenarkan.

Anda boleh memilih supaya nombor telefon berdaftar anda tidak disenaraikan dalam Perkhidmatan Bantuan Direktori 103 dengan menghubungi kami di help@tm.com.my atau menghubungi kami di talian 100.

Data Peribadi anda mungkin didedahkan atas sebab-sebab undang-undang, proses undang-undang, tindakan undang-undang dan/atau permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan dan sebarang pendedahan akan diberikan kepada pihak berkuasa awam dan kerajaan tersebut sahaja. Kami juga mungkin mendedahkan maklumat mengenai anda sekiranya kami menentukan bahawa pendedahan adalah perlu atau wajar bagi tujuan keselamatan negara, penguatkuasaan undangundang atau isu-isu lain berkenaan kepentingan awam.

KESELAMATAN DATA PERIBADI ANDA

TM mempunyai polisi keselamatan, peraturan dan langkah-langkah teknikal untuk melindungi Data Peribadi anda daripada diakses tanpa kebenaran, penyalahgunaan atau pendedahan yang tidak berpatutan, pengubahsuaian tanpa kebenaran, kemusnahan yang menyalahi undang-undang atau kehilangan yang tidak disengajakan. Semua pekerja TM dan Pemproses Data yang mempunyai akses kepada dan mempunyai kaitan dengan pemprosesan Data Peribadi mempunyai tanggungjawab untuk menghormati kerahsiaan maklumat anda.

Walaupun bagaimanapun, transaksi yang dilakukan melalui peranti peribadi mungkin tidak selamat dan sebarang komunikasi menggunakan peranti peribadi tersebut mungkin terdedah kepada pintasan oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang akses yang tidak dibenarkan atau kehilangan Data Peribadi. Walaupun kami tidak dapat menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian Data Peribadi tidak akan terjadi, kami melakukan usaha-usaha yang munasabah untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini daripada berlaku.

Data Peribadi yang kami kumpul daripada anda akan disimpan dan data sokongan akan dibuat dengan selamat di lokasi yang dikawal persekitarannya. Hanya pihak yang dibenarkan dan mempunyai pengguna ID dan kata laluan daripada TM mempunyai akses kepada maklumat tersebut.

Anda perlu ingat untuk log keluar daripada sistem kami selepas mengakses dan/atau menggunakan peranti pilihan anda supaya pihak yang tidak dibenarkan tidak boleh mengakses Data Peribadi anda. Anda tidak harus pada bila-bila masa mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.

PEMBETULAN DAN PERMINTAAN AKSES

Jika anda ingin meminta akses atau pembetulan kepada Data Peribadi anda atau di mana anda memilih untuk menghadkan hak TM untuk memproses Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi pusat panggilan TM atau melawat TM Point yang terdekat. Sebarang permohonan akses untuk membetulkan Data Peribadi mungkin tertakluk kepada bayaran dan juga kepada peruntukan-peruntukan di dalam APDP.

Walaupun bagaimanapun, kami berhak untuk menolak permintaan yang menjejaskan keselamatan dan privasi Data Peribadi orang lain serta permintaan yang tidak praktikal atau tidak dibuat dengan niat yang baik.

Kami boleh menyemak dan mengemaskini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan sebarang perubahan undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan pihak kami, prosedur dan struktur dan perubahan jangkaan terhadap privasi oleh masyarakat. Versi terkini Notis Privasi boleh diperolehi di <http://www.tm.com.my>

PERTANYAAN ATAU ADUAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Notis Privasi ini, anda boleh menghubungi kami di <https://www.tm.com.my/OnlineHelp/ContactUs/Pages/default.aspx> melalui bahagian “Hubungi Kami” atau anda boleh menghubungi pusat panggilan TM di:

- 100, jika anda berada di Malaysia;
- 1300 888 123 jika anda membuat panggilan daripada telefon bimbit; atau
- +603 2241 1290 jika anda membuat panggilan dari luar negara.